

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

STW213 – Praktis Kerja Sosial Dengan Individu dan Keluarga

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan kesemuanya. Soalan No. 1 adalah WAJIB.

Bahagian A

Soalan 1 WAJIB dijawab.

1. Ani berumur 16 tahun. Beliau selalu kelihatan bersiar-siar di bandar hingga larut malam. Baru-baru ini beliau ditangkap oleh polis di lobi hotel di Lubuh Chulia pada pukul 12.00 malam. Oleh kerana beliau masih di bawah umur, beliau dirujukkan kepada pekerja sosial.

Andaikan anda adalah pekerja sosial tersebut:

- (a) Apakah maklumat tambahan yang anda akan cungkil semasa temubual dengan klien?
- (b) Beri andaian respons klien (Ani).
- (c) Berdasarkan andaian respons klien tersebut,uraikan keadaan klien dan situasi masalah klien. (Gunakan teori-teori yang berkaitan.)
- (d) Berdasarkan penentuan situasi di (c), apakah fokus/matlamat anda dalam proses intervensi dengan klien (Ani).
- (e) Huraikan pendekatan yang anda akan gunakan untuk proses intervensi serta rancangan tindakan yang anda akan laksanakan demi pencapaian matlamat intervensi.

(50 markah)

...2/-

Bahagian B

Pilih DUA (2) soalan sahaja.

2. (a) Huraikan ciri-ciri keluarga yang berfungsi.
(b) Berdasarkan ciri-ciri tersebut, apakah kesannya terhadap pembangunan individu.
(25 markah)
3. Jelaskan elemen-elemen yang difokuskkan oleh pekerja sosial dalam intervensi dengan keluarga sebagai satu sistem sosial.
(25 markah)
4. (a) Jelaskan pendekatan sistem dalam intervensi sosial dengan individu.
(b) Dengan menggunakan contoh, huraikan bagaimana anda akan melaksanakan intervensi sosial berdasarkan pendekatan sistem.
(25 markah)
5. Huraikan faktor-faktor yang perlu diambil kira oleh pekerja sosial dalam proses penentuan situasi klien.
(25 markah)